

**SIARAN MEDIA**

**25 Mei 2025**

## **PLOGGING DAN PENANAMAN POKOK: ALAM FLORA KUKUHKAN KOMITMEN KELESTARIAN**

**Kuantan, 25 Mei 2025** – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) anak syarikat Malakoff Corporation Berhad ("Malakoff"), terus komited dalam memupuk budaya cintakan alam sekitar dengan menganjurkan aktiviti plogging di Pantai Cherok, Paloh, Kuantan, yang menyaksikan penyertaan 200 peserta, termasuk sukarelawan muda, Majlis Bandaraya Kuantan, SwCorp, wakil jawatankuasa kampung dan kakitangan Alam Flora

Berbeza daripada penganjuran sebelumnya, kali ini pendekatan Alam Flora lebih tertumpu kepada menggalakkan pelibatan golongan muda dan pelancong yang mengunjungi pantai tersebut untuk turut serta dalam menjaga kebersihan kawasan rekreasi yang sering menjadi tumpuan pada hujung minggu dan musim cuti sekolah.

Program ini dilaksanakan di bawah inisiatif 'Jom Plogging - Saya Sayang Bumi', yang bukan sahaja menekankan aspek kebersihan pantai tetapi juga memberi pendedahan kepada peserta tentang kesan pembuangan sampah sembarangan terhadap habitat marin dan keseimbangan ekosistem semula jadi.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, berkata aktiviti seperti ini perlu dijadikan budaya bersama, bukan sekadar kempen sementara.

"Aktiviti seperti plogging ini bukan sahaja membersihkan kawasan pantai, malah berperanan penting dalam membentuk kesedaran sivik dan tanggungjawab bersama terhadap alam sekitar. Kita mahu setiap individu, khususnya anak muda dan pelancong, menyedari bahawa setiap tindakan kecil seperti membuang sampah dengan betul mampu memberi impak besar kepada kelestarian alam."

Sebagai nilai tambah kepada inisiatif kelestarian ini, sebanyak 150 batang pokok turut ditanam di sekitar kawasan pantai sebagai usaha penghijauan semula dan pemulihan kawasan pesisir pantai. Beliau turut menekankan bahawa usaha menjaga kebersihan kawasan pelancongan memerlukan penglibatan aktif semua pihak dan bukannya bergantung kepada pihak berkuasa semata-mata. Sementara itu, kehadiran pelancong yang turut serta secara sukarela dalam aktiviti ini menunjukkan sokongan masyarakat luar terhadap usaha menjaga kebersihan pantai yang menjadi mercu tarikan di daerah Kuantan.



Turut hadir ialah Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan, Encik Mohd Nizam Mahayuddin dan Pengarah SWCorp Pahang, Encik Sharudin Hamid, yang menyambut baik kolaborasi ini sebagai usaha memperkuuh pendidikan awam mengenai kepentingan pengurusan sisa mampan.

Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada tonggak perniagaan Malakoff, aspirasi Penyelesaian Alam Sekitar Malakoff untuk memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan penyelesaian yang didedikasikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan planet ini. Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 di mana ia bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan serta menyokong tujuan menyeluruh Malakoff iaitu '*Enhancing Life, Enriching Communities*'

**MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:**

*Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan sebuah syarikat konsesi terbesar dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.*

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Azman Shawal |Pengurus Kanan, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan**  
**|HP: 019.218.9288 | [azman.shawal@malakoff.com.my](mailto:azman.shawal@malakoff.com.my)**

**Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan**  
**|HP: 019.601.1678 | [farizan.yop@malakoff.com.my](mailto:farizan.yop@malakoff.com.my)**

PRESS RELEASE

25 May 2025

## PLOGGING AND TREE PLANTING: ALAM FLORA STRENGTHENS ITS COMMITMENT TO SUSTAINABILITY

**Kuantan, 25 May 2025** – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (“Malakoff”), continues to champion environmental awareness with a beach plogging activity at Pantai Cherok, Paloh, Kuantan. The event saw the participation of 200 individuals, including youth volunteers, Kuantan City Council, SWCorp and representatives of the local community as well as from Alam Flora.

This initiative focused on engaging youth and tourists in efforts to keep the popular beach clean, particularly during weekends and school holidays. This effort is part of the ‘Jom Plogging - Saya Sayang Bumi’ initiative, which not only focuses on beach cleanliness but also educates participants on the impact of littering on marine habitats and the balance of natural ecosystems.

Chief Executive Officer of Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, emphasised that such initiatives should evolve into a shared culture rather than remain temporary campaigns.

“Activities like plogging do more than just clean the beaches – they help cultivate civic consciousness and a collective sense of responsibility for the environment. We want every individual, especially youth and tourists, to realise that small actions like disposing of waste properly can create a significant positive impact on sustainability.”

As an added value to this sustainability initiative, a total of 150 trees were also planted around the beach area as part of a reforestation and coastal restoration effort. Shariman also reiterated that maintaining the cleanliness of tourist destinations requires active participation from all stakeholders, not just local authorities. Meanwhile, the presence of tourists who voluntarily joined the activity highlights the support from the wider public in protecting the beaches that have become iconic attractions in Kuantan.

Also present was Secretary of the Kuantan City Council, Mohd Nizam Mahayuddin and Sharudin Hamid, Director of SWCorp Pahang, who welcomed the collaboration as a meaningful step toward strengthening public education on the importance of sustainable waste management.



This initiative is part of Malakoff's business pillar, Malakoff Environmental Solutions' aspiration to focus on environmental management and solutions that are dedicated to serving communities and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11 where it aims at making cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable, aligned with Malakoff's overarching purpose of '*Enhancing Life, Enriching Communities*'.

**ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:**

*Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is the largest environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatization project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya and Pahang.*

**For more information, please contact:**

**Azman Shawal |Senior Manager, Corporate Communications & Branding**  
|HP: 019.218.9288 | [azman.shawal@malakoff.com.my](mailto:azman.shawal@malakoff.com.my)

**Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding**  
|HP: 019.601.1678 | [farizan.yop@malakoff.com.my](mailto:farizan.yop@malakoff.com.my)